



PEMBERITAHUAN

(Ruj.: PPN Fasa 2 / MPKangar / 2021 / 01)

WAKTU OPERASI PREMIS / AKTIVITI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 BERKUAT KUASA MULAI 05 JULAI 2021

Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), waktu operasi premis / aktiviti perniagaan dalam Sektor Perkhidmatan Perlu yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 2 berkuat kuasa mulai 05 Julai 2021 bagi Negeri Perlis adalah seperti berikut :

Aktiviti Perniagaan	Waktu Operasi
Restoran, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk makanan <i>Nota : Penjualan makanan dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran sahaja. Dine-in dan perkhidmatan park & dine tidak dibenarkan.</i>	6.00 pagi – 10.00 malam
Kedai runcit dan kedai serbaneka	8.00 pagi – 8.00 malam
Kedai keperluan harian seperti kedai <i>hardware</i> , bengkel kenderaan, kedai barangan bayi dan barangan keagamaan	8.00 pagi – 8.00 malam
Perkhidmatan kesihatan seperti hospital, klinik dan makmal perubatan	24 jam atau mengikut lesen kebenaran beroperasi
Stesen minyak di lebuhraya bertol	24 jam
Stesen-stesen minyak lain	6.00 pagi – 8.00 malam
Pasar raya, pasar raya besar dan <i>departmental store</i> (<i>tertakluk kepada Senarai Perkhidmatan Perlu Mengikut Sektor Perdagangan Pengedaran di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna</i>)	8.00 pagi – 8.00 malam

Kedai farmasi, kedai penjagaan diri, kedai serbaneka, <i>mini mart</i> , kedai buku dan alat tulis, kedai komputer dan telekomunikasi dan barangan elektrik	8.00 pagi – 8.00 malam
Kedai gunting rambut dan salun kecantikan (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja)	8.00 pagi – 8.00 malam
Klinik haiwan dan kedai makanan haiwan	8.00 pagi – 8.00 malam
Kedai dobi, dobi layan diri, kedai cuci kereta dan kedai cermin mata <i>Nota : Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.</i>	8.00 pagi – 8.00 malam
Pasar harian dan pasar awam	6.00 pagi – 2.00 petang
Pasar Segar Terkawal (PST)	7.00 pagi – 12.00 tengah hari
Pasar Tani Kekal (PTK), <i>MyFarm Outlet</i> (MFO) dan Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)	6.00 pagi – 4.00 petang
Pasar borong	4.00 pagi – 9.00 pagi
Pasar tani dan pasar pagi (<i>terhad kepada komoditi utama yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan</i>).	7.00 pagi – 11.00 pagi
Pasar malam dan pasar minggu	Tidak dibenarkan beroperasi

Maklumat lanjut mengenai SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 boleh dirujuk di laman sesawang rasmi, Facebook dan Telegram kementerian / agensi yang berkaitan iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain.

Sekian. Terima kasih.

Arahan,

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
Tarikh : 05 Julai 2021.